

Lima serbuan serentak rampas dadah RM4.8j

Wanita warga Thailand antara enam ahli sindiket ditahan polis

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Polis menumpaskan sindiket penyeludupan dadah didalangi warga tempatan dalam lima serbuan di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Pahang.

Hasil serbuan pada Selasa lalu itu, sejumlah 96.39 kilogram (kg) dadah pelbagai jenis bernilai RM4.8 juta dirampas.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit

Aman, Datuk Razarudin Husain, berkata dalam serbuan serentak oleh tiga Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) itu, enam individu berusia 34 hingga 56 tahun ditahan, termasuk seorang wanita warga Thailand.

Katanya, dalam serbuan bermula jam 11.40 pagi hingga 2 petang itu, dalang sindiket terbabit, iaitu lelaki tempatan berusia 30-an turut ditahan.

“Pecahan dadah yang dirampas adalah 76kg syabu, 5.8kg ecstasy,



Razarudin (tengah) pada sidang media rampasan dadah di IPK Selangor, semalam.

(Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)

1.1kg ketamin, 0.45kg heroin dan 13kg Erimin 5.

“Polis turut menyita enam kenderaan, wang tunai, barang kemas dan dua jam tangan dengan nilai keseluruhan rampasan dadah dan sitaan adalah RM5.6 juta,” katanya pada sidang media di IPK Selangor, di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan men-

dapati sindiket itu aktif menjalankan penyeludupan dadah sejak awal tahun ini dan dipercayai memasarkan bahan terlarang terbabit ke Sabah serta Sarawak.

Katanya, sindiket itu juga dipercayai menyeludup dadah dengan menggunakan perkhidmatan kurier atau kargo.

“Hasil saringan ujian air ken-

cing mendapati seorang daripada suspek positif dadah jenis syabu.

“Siasatan juga mendapati, dua suspek mempunyai rekod berkaitan dadah,” katanya.

Razarudin berkata, semua suspek direman tujuh hari bermula kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

dengan...